

MODUL 10 - ANALISIS DAN TAFSIRAN PENYATA KEWANGAN UNTUK MEMBUAT KEPUTUSAN

1. Antara yang berikut, manakah merupakan nisbah keberuntungan?

- I Nisbah semasa
- II Pulangan atas modal
- III Margin untung bersih
- IV Kadar pusing ganti inventori

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

BATU PAHAT 2020

2. Berikut ialah rumus pengiraan bagi nisbah P.

$$P = \frac{\text{Untung Kasar}}{\text{Kos Jualan}} \times 100$$

Apakah nisbah P?

- A Tokokan
- B Margin untung kasar
- C Margin untung bersih
- D Pulangan atas modal

PULAU PINANG 2020

3. Maklumat berikut diperoleh daripada buku Perniagaan Widad pada 31 Ogos 2020.

	RM
Perabot	12 000
Akaun Belum Terima	8 000
Overdraf Bank	10 500
Inventori	14 000
Komisen Belum Terperoleh	500

Berapakah nisbah semasa Perniagaan Widad?

- A 3.29 : 1
- B 3.09 : 1
- C 2.14 : 1
- D 2.00 : 1

PULAU PINANG 2020

4. Maklumat berikut diambil daripada buku Kedai Runcit Tok Mama.

	RM
Belian tunai	15 300
Belian kredit	169 400
Akaun Belum Bayar	22 900

Berapakah tempoh pembayaran hutang?

- A 51 hari
- B 49 hari
- C 46 hari
- D 33 hari

PULAU PINANG 2020

5. Maklumat berikut diperoleh daripada Penyata Kedudukan Kewangan Perniagaan Haikal pada 31 Disember 2019.

	RM
Aset bukan semasa	120 000
Aset semasa	80 700
Liabiliti bukan semasa	49 500
Liabiliti semasa	25 000

Berapakah nisbah semasa?

- A 1.49 : 2
- B 2.47 : 1
- C 2.69 : 1
- D 3.23 : 1

PERLIS 2020

6. Maklumat berikut diperoleh daripada buku Kedai Rais pada 31 Disember 2019.

	RM
Inventori pada 1 Januari 2019	6 800
Inventori pada 31 Disember 2019	3 400
Jualan	35 000
Untung kasar adalah 20% daripada jualan	

Berapakah kadar pusing ganti inventori perniagaan berkenaan?

- A 2.74 kali
- B 5.49 kali
- C 6.86 kali
- D 8.24 kali

PERLIS 2020

7. Maklumat berikut diperoleh daripada Syarikat Lailee bagi tahun berakhir 31 Disember 2019.

	RM
Akaun belum terima	12 800
Akaun belum bayar	10 500
Jualan kredit	58 250
Jualan tunai	22 900

Berapakah tempoh kutipan hutang Syarikat Lailee?

- A 58 hari
- B 81 hari
- C 105 hari
- D 146 hari

PERLIS 2020

8. Antara berikut, manakah yang merupakan nisbah keberuntungan?

- I Nisbah semasa
- II Pulangan atas modal
- III Margin untung bersih
- IV Kadar pusing ganti inventori

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

TERENGGANU 2020

9. Maklumat berikut diperolehi daripada buku Restu Enterprise bagi tahun berakhir 31 Mei 2020:

	RM
Jualan	28 000
Kos Jualan	16 000

Berapakah Margin Untung Kasar?

- A 36.36%
- B 42.86%
- C 57.14%
- D 63.64%

TERENGGANU 2020

10. Maklumat berikut diperolehi daripada Syarikat Ji Saw Berhad dan Syarikat Puzi Berhad bagi tahun berakhir 31 Disember 2019.

	Syarikat Ji Saw Berhad	Syarikat Puzi Berhad
Kadar Pusing Ganti Inventori	4 kali	6 kali

Antara berikut, pernyataan manakah yang benar tentang pengurusan inventori kedua-dua syarikat tersebut?

- I Syarikat Puzi Berhad sentiasa menjual inventori baru berbanding Syarikat Ji Saw Berhad.
- II Syarikat Puzi Berhad lebih cekap menguruskan inventornya berbanding Syarikat Ji Saw Berhad
- III Syarikat Puzi Berhad menukar inventornya setiap 4 bulan sekali manakala Syarikat Ji Saw Berhad menukar inventornya setiap 6 bulan sekali.
- IV Syarikat Puzi Berhad menukar inventornya setiap 2 bulan sekali manakala Syarikat Ji Saw Berhad menukar inventornya setiap 3 bulan sekali.

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

TERENGGANU 2020

11. Maklumat berikut dipetik daripada buku perniagaan Runcit Sentosa pada 31 Disember 2019

	RM
Belanja operasi	3 610
Modal pada 1 Januari 2019	30 500
Modal pada 31 Disember 2019	36 600
Untung kasar bagi tahun 2019	8 200
Pengurangan Peruntukan hutang ragu	900

Hitung pulangan atas modal.

- A 15.00%
- B 18.00%
- C 22.40%
- D 26.89%

KELANTAN 2020

12. Maklumat menunjukkan kedudukan modal dan untung bersih sebuah perniagaan runcit bagi empat tahun.

Tahun	Modal Awal (RM)	Modal Akhir (RM)	Untung Bersih (RM)
2016	12 000	24 000	4 000
2017	13 000	18 000	6 000
2018	10 000	16 000	3 500
2019	15 000	20 000	7 240

Prestasi terbaik perniagaan adalah pada tahun

- A 2016
- B 2017
- C 2018
- D 2019

KELANTAN 2020

13. Maklumat berikut berkaitan dengan nisbah semasa dua buah perniagaan.

	Perniagaan Indah	Makmur Enterprise
Nisbah Semasa	2:1	3:1

Apakah tafsiran yang betul menggambarkan kedua-dua perniagaan tersebut?

- A Makmur Enterprise memperoleh kadar keuntungan kasar lebih tinggi berbanding Perniagaan Indah
- B Kedudukan untung keseluruhan Makmur Enterprise adalah lebih baik berbanding Perniagaan Indah
- C Harga jualan Makmur Enterprise lebih tinggi berbanding harga jualan Perniagaan Indah
- D Kedua-dua perniagaan berkemampuan untuk menjelaskan liabiliti semasa

JOHOR 2020

14. Maklumat berikut diambil daripada buku perniagaan Kedai Rozi.

	RM
Inventori awal	2 150
Inventori akhir	1 800
Aset semasa	12 000
Aset bukan semasa	30 000
Liabiliti semasa	6 000
Liabiliti bukan semasa	20 000

Berapakah nisbah semasa bagi Kedai Rozi?

- A 1 : 1
- B 1.5 : 1
- C 2 : 1
- D 2.4 : 1

KULAI 2020

MODUL 11 – REKOD TAK LENGKAP

1. Manakah yang **BUKAN** implikasi rekod tak lengkap?
- A Untung dan rugi mudah ditentukan
 - B Penyata Kewangan sukar disediakan
 - C Imbangan duga tidak dapat disediakan
 - D Perbandingan prestasi perniagaan tidak dapat dilakukan

BATU PAHAT 2020

2. Maklumat berikut diperoleh daripada buku Kedai Kasut Sumayyah pada 31 Ogos 2020.

	RM
Modal pada 1 September 2019	26 400
Modal pada 31 Ogos 2020	33 300
Modal tambahan	2 900

Sekiranya perniagaan memperoleh untung bersih sebanyak RM8 600, hitung ambilan bagi tahun kewangan yang sama.

- A RM 4 600
- B RM 18 400
- C RM 36 900
- D RM 49 200

BATU PAHAT 2020

3. Butiran di bawah dipetik daripada buku Kedai Dobi Hakimi 30 Jun 2020.

	1 Julai 2019 (RM)	30 Jun 2020 (RM)
Baki Akaun Kawalan Lejar Jualan	32 788	59 102

Maklumat tambahan:

- i. Penerimaan cek daripada Akaun Belum Terima adalah berjumlah RM124 119.
- ii. Pulangan masuk dan pulangan keluar masing-masing adalah RM1 374 dan RM1 990.
- iii. Baki kredit Akaun Kawalan Lejar Jualan pada 30 Jun 2020 adalah sebanyak RM560.
- iv. Jumlah jualan tunai adalah RM9 050.

Berapakah jumlah jualan bagi Kedai Dobi Hakimi?

- A RM99 235
- B RM151 247
- C RM159 539
- D RM160 297

BATU PAHAT 2020

4. Antara berikut, yang manakah menyebabkan rekod perakaunan tak lengkap?

- I Rekod perakaunan musnah atau hilang.
- II Catatan urus niaga tidak dibuat langsung.
- III Merekod menggunakan sistem catatan bergu.
- IV Dokumen sumber urus niaga disimpan secara sistematik.

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

PERLIS 2020

5. Catatan yang manakah tepat dalam Penyata Mengira Untung Rugi?

A Penyata Mengira Untung Rugi bagi tahun berakhir ... (petikan)		
	RM	RM
Modal awal		XX
(+) Ambilan		XX
		XX
(-) Modal akhir	XX	
Modal tambahan	XX	(XX)
Untung bersih		XX

B Penyata Mengira Untung Rugi bagi tahun berakhir ... (petikan)		
	RM	RM
Modal akhir		XX
(+) Ambilan		XX
		XX
(-) Modal awal	XX	
Modal tambahan	XX	(XX)
Untung bersih		XX

C Penyata Mengira Untung Rugi bagi tahun berakhir ... (petikan)		
	RM	RM
Modal akhir		XX
(+) Modal tambahan		XX
		XX
(-) Modal awal	XX	
Ambilan	XX	(XX)
Untung bersih		XX

D Penyata Mengira Untung Rugi bagi tahun berakhir ... (petikan)		
	RM	RM
Modal akhir		XX
(+) Modal awal		XX
		XX
(-) Modal tambahan	XX	
Ambilan	XX	(XX)
Untung bersih		XX

PULAU PINANG 2020

6. Maklumat berikut berkaitan analisis maklumat Buku Tunai



Apakah Y?

- A Pulangan barang niaga
- B Ambilan barang
- C Jualan tunai
- D Belian kredit

PULAU PINANG 2020

7. Encik Arun, pemilik kedai runcit tidak menyimpan rekod perniagaannya dengan lengkap. Berikut ialah maklumat perniagaannya pada 31 Disember 2019.

Akaun Kawalan Belum Terima			
2019	RM	2019	RM
Jan 1 Baki b/b	12 600	Dis 31 Tunai	18 200
		Diskaun diberi	320
		Baki h/b	10 200

Buku Tunai (petikan)			
2019	RM	2019	RM
Jan 1 Baki b/b	15 500	Dis 31 Belian	1 560
Akaun Belum Terima	18 200		
Jualan	5 300		

Berapakah jumlah jualan?

- A** RM5 300
B RM16 120
C RM21 420
D RM23 500

PULAU PINANG 2020

8. Data berikut diambil daripada Perniagaan Muafakat.

	RM
Untung bersih	20 000
Ambilan	5 000
Modal awal	6 300
Modal tambahan	540

Berapakah modal akhir Perniagaan Muafakat?

- A** RM10 760
B RM14 460
C RM20 760
D RM21 840

PERLIS 2020

9. Perniagaan Aiza memulakan perniagaan dengan modal tunai di bank sebanyak RM12 000 pada 1 Januari 2019. Perniagaan tersebut tidak menyimpan rekod dengan lengkap. Aset dan liabiliti pada 31 Disember 2019 adalah seperti berikut:

	RM
Alatan Pejabat	3 000
Inventori	4 000
Akaun Belum Bayar	1 500
Akaun Belum Terima	1 000
Tunai di Bank	9 000

Maklumat Tambahan:
Ambilan dianggarkan berjumlah RM1 000 sepanjang tahun 2019.

Hitung untung bersih Perniagaan Aiza bagi tahun berakhir 31 Disember 2019.

- A** RM3 500
B RM4 500
C RM5 500
D RM6 500

TERENGGANU 2020

10. Restoran Rihan tidak menyimpan rekod yang lengkap. Maklumat berikut diperoleh daripada buku restoran tersebut.

Penyata Mengira Modal pada 1 Mei 2020	
	RM
P	32 760
Tolak Q	12 540
	20 220

Apakah butiran P dan Q?

- A Aset bukan semasa dan Aset semasa
- B Modal akhir dan Modal awal
- C Hasil dan Belanja
- D Aset dan Liabiliti

TERENGGANU 2020

11. Butiran berikut diambil daripada Kedai My Riang :

	31 Julai 2019	31 Julai 2020
	RM	RM
Akaun Belum Bayar	100 000	75 000
Belian tunai	50 000	80 000
Bayaran kepada pembekal	-	125 000

Kirakan belian kredit.

- A RM100 000
- B RM150 000
- C RM180 000
- D RM230 000

TERENGGANU 2020

12. Maklumat yang manakah merujuk kepada amalan rekod tak lengkap

- I Semua dokumen sumber ada dalam simpanan
- II Urus niaga dicatat mengikut kaedah catatan tunggal
- III Catatan penerimaan dan pembayaran sahaja yang dibuat
- IV Sistem catatan bergu digunakan untuk merekod urus niaga

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

KELANTAN 2020

13. Apakah kesan penyimpanan rekod yang tidak lengkap terhadap perniagaan.

- I Untung atau rugi sukar ditentukan
- II Tafsiran keberuntungan tidak tepat
- III Imbangan Duga boleh dilengkapkan
- IV Penyata Kedudukan Kewangan dapat disediakan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

KELANTAN 2020

14. Apakah kaedah yang digunakan untuk menentukan pendapatan bagi perniagaan yang tidak mengamalkan sistem catatan bergu?

I Kaedah Analisis
 II Kaedah Perbandingan
 III Kaedah Penilaian Semula
 IV Kaedah Margin Caruman

- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV

JOHOR 2020

15. Maklumat berikut diperoleh daripada buku Kedai Runcit Cikgu, sebuah perniagaan yang tidak mengamalkan sistem catatan bergu.

	1 Januari 2020
	RM
Inventori	11 900
Perabot	3 200
Bank	4 100
Akaun Belum Bayar	8 600
Akaun Belum Terima	1 700
Kadar bayaran belum bayar	110

Berapakah modal awal kedai tersebut?

- A RM8 790
 B RM12 190
 C RM12 410
 D RM29 610

JOHOR 2020

16. Maklumat berikut diperoleh daripada Perniagaan Iskandar yang tidak menyimpan rekod perniagaan dengan lengkap.

	1 September 2019	31 Ogos 2020
Lengkapan	10 000	8 000
Inventori	6 000	5 200
Bank	18 000	20 000
Akaun Belum Terima	4 200	3 700
Akaun Belum Bayar	2 800	4 100

Berapakah untung atau rugi perniagaan?

- A Untung RM2 600
 B Untung RM6 200
 C Rugi RM2 600
 D Rugi RM6 400

KULAI 2020